



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU TRAFIK UDARA (C.1-2 EB.3)
JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU TRAFIK UDARA
JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma* Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
- b) Kepujian / Kredit dalam mata pelajaran Matematik / Fizik / Geografi dan Bahasa Inggeris dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau *International English Language Testing System (IELTS) band 6.0* atau sebanding.
- c) Lulus peperiksaan kesihatan menurut kehendak *International Civil Aviation Organisation (ICAO) Class 3*.
- d) Dikehendaki untuk menjalani tempoh percubaan (sebagai pelatih) dan akan dibuat penilaian sebelum ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

2. a) Telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam dalam jawatan bersesuaian yang berkaitan dengan bidang trafik udara dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- b) Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) *rating* dan *lesen Air Traffic Control (ATC)* yang sah.
- c) Lulus peperiksaan kesihatan menurut kehendak *International Civil Aviation Organisation (ICAO) Class 3*.
- d) Mestilah mempunyai *International Civil Aviation Organisation (ICAO) English Language Proficiency* sekurang-kurangnya *Level 4*.



ATAU

3.
 - a) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian yang berkaitan dengan bidang trafik udara dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
 - b) Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) *rating* dan lesen *Air Traffic Control (ATC)* yang sah.
 - c) Lulus peperiksaan kesihatan menurut kehendak *International Civil Aviation Organisation (ICAO) Class 3*.
 - d) Mestilah mempunyai *International Civil Aviation Organisation (ICAO) English Language Proficiency* sekurang-kurangnya *Level 4*.
4. Bagi pemohon di Para 1:
 - a) Adalah dikehendaki untuk menjalani tiga (3) tahun tempoh percubaan.
 - b) Sebelum ditetapkan dalam jawatan, adalah dikehendaki untuk menjalani dan lulus semasa menjalani tiga (3) tahun tempoh percubaan seperti berikut:
 - i. *ICAO English Language Proficiency* sekurang-kurangnya *Level 4*.
 - ii. Sekurang-kurangnya satu (1) *rating* dan lesen *ATC (Air Traffic Control)* yang sah.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Bertanggungjawab kepada Pegawai Trafik Udara Tingkat III / Penyelia Syif dalam:

1. Membantu pegawai yang menguasai lalu lintas udara di dalam memenuhi fungsi kawalan lalu lintas udara yang sama ada bertugas di Menara Kawalan, Pusat Radar atau di Pusat Penyelarasan Mencari dan Menyelamat Kebangsaan;
2. Menerima Pelan Penerbangan dan memasukkan maklumat berkenaan di '*Flight Progress Strips*';



3. Memberikan dan menerima data kawalan lalu lintas udara kepada / daripada Kawalan Radar atau Unit-Unit Perkhidmatan kawalan lalu lintas udara yang lain termasuk bertindak sebagai penghubung bagi pegawai-pegawai yang menguasai lalu lintas udara yang berkenaan;
4. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Penyelia Syif dari semasa ke semasa sesuai dengan kebolehan dan pengalaman pegawai; dan
5. Menjalankan tugas-tugas pegawai yang menguasai lalu lintas udara.